

Najib Punyai Jadual Padat Hari Keempat Lawatan ke China
Bernama
Mei 30, 2014
Oleh D. Arul Rajoo

BEIJING, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mempunyai jadual yang padat pada hari keempat lawatan beliau ke China.

Najib yang berada di sini sempena sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China, akan melawat Beijing Foreign Studies University (BFSU), Jumaat pagi.

Beliau merasmikan "Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2014: Hubungan Malaysia-China kali ke-7'.

Kira-kira 200 peserta termasuk 138 penceramah dan pembentang kertas kerja dari Malaysia, China, Indonesia, Belanda, Korea Selatan dan Thailand mengambil bahagian dalam persidangan itu.

Najib kemudian akan dibawa melawat pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) Huawei, satu daripada syarikat telekomunikasi terkemuka dunia, di Zhongguancun Environmental Protection Park.

Huawei mempunyai lebih 70,000 produk dan kakitangan penyelesaian (R&D) yang terdiri daripada lebih 45 peratus jumlah keseluruhan tenaga kerjanya di seluruh dunia.

Ia telah menubuhkan 16 pusat R&D termasuk di Jerman, Sweden, Amerika Syarikat, Perancis, Itali, Rusia, India dan China.

Najib kemudian akan ke Masjid Nuijie untuk solat Jumaat.

Pada sebelah petang Jumaat, Perdana Menteri akan menerima kunjungan hormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Kebangsaan China (NPC) Zhang Dejiang dan kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Presiden China Xi Jinping di Rumah Tetamu Negara, Diaoyutai.

Xi yang melawat Malaysia Oktober tahun lepas, akan menghoskan jamuan makan malam untuk Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042606>